KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13.02.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	TNB			

Premis 'berhantu' lombong Bitcoin

Kuala Langat: Berkunci rapi dan seolah-olah premis 'berhantu' yang ditinggalkan sekian lama tanpa penghuni.

Namun di dalamnya tersembunyi beratus unit mesin Bitcoin milik sindiket melombong mata wang digital yang beroperasi dengan mencuri bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Kegiatan jenayah itu bagaimanapun berjaya dibongkar Polis Kuala Langat susulan penemuan bacaan meter dua premis rumah kedai meragukan di Jalan Nilam Taman Nilam, Banting di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor@Salleh berkata, bertindak atas risikan, pihaknya bersama Team Seal TNB Selangor menyerbu premis terbabit kira-kira jam 6.20 petang.

"Hasil siasatan pihak TNB, ada bacaan meragukan pada meter premis sebelum mengesyaki berlaku kecurian elektrik disebabkan kegiatan melombong Bitcoin.

"Dalam serbuan pertama, polis menemui 77 mesin Bitcoin bersama modem dan perkakas komputer.

"Manakala dalam serbuan kedua, polis menemui 58 lagi mesin melombong Bitcoin. Semua mesin Bitcoin itu dianggarkan bernilai lebih RM210,000," katanya, semalam.



AHMAD Ridhwan (dua dari kanan) menunjukkan barangan rampasan susulan serbuan ke atas dua premis rumah kedai yang disyaki menjalankan perlombongan Bitcoin.

Ahmad Ridhwan berkata, ketika serbuan dijalankan, tiada penjaga berada di kedua-dua premis itu.

"Polis kini sedang berusaha untuk mengesan penyewa dan pemilik kedua-dua premis terbabit.

Polis temui 135 mesin Bitcoin dalam dua serbuan terbabit

"Kes disiasat mengikut Seksyen 379/427 KK kerana mencuri dan khianat ke atas elektrik yang mana kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tujuh tahun serta denda atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata, polis akan menjalankan operasi berterusan bagi membanteras kegiatan jenayah ini.

"Amaran keras kepada semua sindiket atau individu yang menjalankan kegiatan curi elektrik bagi tujuan perlombongan Bitcoin supaya memberhentikan kegiatan jenayah ini.

"Polis tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap semua premis yang menjalankan aktiviti bitcoin secara haram serta mencuri elektrik sehingga menyebabkan TNB mengalami kerugian RM50,000 hingga RM60,000 sebulan," katanya.